

KWSP: Pinjaman RM1.28b biaya aset di United Kingdom

UM 21/10

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) menjelaskan pinjaman bernilai RM1.28 bilion adalah bagi membiayai aset-asetnya di United Kingdom untuk membantu melindungi daripada turun naik nilai mata wang asing dan kadar tukaran.

Menurut KWSP, penjelasan itu adalah sebagai menjawab spekulasi yang tersebar menerusi WhatsApp berkaitan kononnya entiti tersebut meminjam RM12 bilion daripada DBS dan Standard Chartered.

Kata KWSP lagi, pembiayaan pesisir mengurangkan pendedahan mata wang asing terhadap pelaburan hartanah global dan maka itu, merupakan sebahagian daripada amalan baik pelaburan.

"Urus niaga tersebut dilakukan menerusi subsidiari kami, Kwasa Global dan masih dalam peringkat perundingan, menerusi pinjaman berjumlah RM1.28 bilion, dan bukan RM12 bilion seperti yang tersebar di dalam WhatsApp.

"Semua keputusan pelaburan yang dibuat oleh KWSP adalah mematuhi profil risiko pulangan kami, selaras dengan matlamat memastikan simpanan persaraan ahli adalah selamat dan diurus dengan baik," kata KWSP di sini hari ini.

Kelmarin, portal *GlobalCapital* *ASIAMONEY* (GCA) memetik sumber melaporkan, DBS dan Standard Chartered yang

dipilih menjadi pengatur utama dan penaja jamin pinjaman mempelawa pihak-pihak yang mempunyai hubungan baik dengan KWSP menyertai pinjaman bernilai 259 juta pound (RM1.28 bilion).

Menurut GCA, tiga bulan lalu apabila pengatur utama dipilih, nilai pinjaman difahamkan di antara 240 juta pound, tetapi nilai itu ditingkatkan kerana tukaran mata wang pound sejak mandat pinjaman dibenarkan.

Pinjaman itu diperlukan bagi membiayai pembelian 19 hartanah di UK oleh Kwasa UK Sixmo, anak syarikat Kwasa milik KWSP yang terlibat dalam bidang hartanah.

Pihak peminjam yang dijemput mempunyai tiga tahap untuk dipilih iaitu yang pertama mandat pengatur pinjaman (MLA) memberi pinjaman 75 juta pound (RM385 juta) atau lebih dan memperoleh kadar 72.5 mata asas untuk 116.5 mata asas untuk kesemua.

Keduanya, pengatur utama memberi pinjaman 50 juta pound (RM256 juta) hingga 74 juta pound (RM379 juta) dan memperoleh 55 mata asas untuk 113 mata asas bagi kesemuanya dan ketiga, memberi 30 juta pound hingga 49 juta pound (RM251 juta) dan memperoleh 111 mata asas untuk kesemuanya, berdasarkan margin 102 mata asas kadar LIBOR tukaran mata wang Great Britain.

